

Sejak minggu lalu selepas warga kota pulang beraya di kampung

Sisa sampah di KL berkurang

(28 APRIL 2023, KOSMO, PG 11)

Oleh NUR ALWANI
ZAFIRAH KHAIRUL

KUALA LUMPUR – Jumlah bahan buangan di sekitar ibu kota menurun sepanjang minggu pertama Aidilfitri tahun ini.

Pengarah SWCorp Wilayah Persekutuan, Ummi Kalthum Shuib berkata, jumlah jangkaan yang dibuat pihaknya adalah sebanyak 2,000 tan sampah sehari pada hari raya berbanding 2,279 tan pada hari biasa.

Katanya, ini kerana warga kota keluar dari Kuala Lumpur untuk pulang ke kampung, menjadikan pembuangan sampah pukal serta domestik berkurangan.

Ujarnya, hampir sejuta penduduk keluar dari ibu negara bagi menyambut Aidilfitri bermula 20 April lalu.

Jelasnya, jumlah sampah terkumpul di negara semakin menunjukkan peningkatan setiap hari sehingga menyebabkan tapak pelupusan sampah juga penuh dan padat.

“Jika lihat data sampah di Kuala Lumpur sahaja, setiap tahun secara purata sampah sehari adalah lebih 2,000 tan.

“Daripada data 2019 hingga Februari lalu, ada sedikit peningkatan setiap tahun iaitu 2,285 tan (2019), 2,061 tan (2020), 2,116 tan (2020), 2,183 tan (2021) dan 2,279 tan (2023),” katanya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau menggesa orang ramai agar membudayakan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian demi menyelamatkan negara dan bumi daripada terus dicemari



PEMBUANGAN sampah pukal serta domestik di Kuala Lumpur berkurang selepas warga kota pulang beraya di kampung sejak 20 April lalu.

sampah.

“Menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan segala sisa plastik, kaca, kertas terutamanya daripada barangan seharian di rumah untuk dikitar semula. Langkah bijak ini akan dapat menyelamatkan dunia kita untuk terus bertahan dan menjadi tempat yang selamat.

“Apa yang saya ingin sarankan bawa beg sendiri apabila membeli-belah atau sediakan bekas makanan sendiri ketika ingin membeli juadah di kedai atau gerai,” pesannya.

Selain itu, Ummi Kalthum turut meniggalkan pesanan agar orang ramai mengamalkan sikap berjimat-berhemat agar tidak menghasilkan sampah dengan banyak.

“Kalau baju lama, tudung lama masih boleh pakai, kalau dah tidak mahu boleh sumbang ke-



UMMI KALTHUM (gambar kecil) menggesa orang ramai berjimat cermat agar tidak menghasilkan sampah yang banyak.

pada yang memerlukan, jangan terus dibuang macam itu sahaja.

“Mana-mana bekas yang sudah tidak digunakan, boleh ditu-

kar fungsinya menjadi barang lain seperti pasu dan sebagainya untuk kita terus meminimumkan sampah di negara ini,” ujarnya.